

PENDIDIKAN MORAL TAHUN 5

NAMA : _____

KELAS : _____

BAHAGIAN A

Jawab semua soalan. Pilih satu jawapan yang tepat dan betul sahaja.

Soalan 1 & 2 berdasarkan pernyataan di bawah

-Tidak makan daging lembu
-Berpuasa
-Mengikat pokok pisang semasa majlis keagamaan

1. Pernyataan di atas merujuk kepada agama
A Islam **C** Kristian
B Hindu **D** Buddha
2. Mendengar khutbah di _____ pada hari Ahad adalah amalan agama tersebut.
A Masjid **C** Kuil
B Wat **D** Gereja
3. Mengapakah harta benda sekolah harus dijaga dengan baik?
A Murid-murid tidak akan dapat belajar dengan baik tanpanya.
B Murid-murid tidak akan memperoleh kejayaan tanpanya.
C Menjaga imej pihak sekolah.
D Mengelakkan daripada kerosakan dan menambahkan perbelanjaan untuk memperbaikinya.
4. Kegiatan merosakkan kemudahan awam dikenali sebagai
A gangsterisme
B vandalism
C animisme
D politisme
5. Pada pendapat kamu, apakah cara yang paling sesuai untuk memupuk rakyat mencintai kebersihan?
A Mengadakan aktiviti gotong-royong.
B Meletakkan kamera litar tertutup untuk memantau pergerakan.
C Mengadakan kempen menjaga alam sekitar dan memberi kesedaran orang ramai mengenai kepentingan menjaga kebersihan.
D Menggalakkan murid-murid mengutip sampah.
6. Bagaimanakah cara seorang anak menghargai ibu bapanya?
A Menceritakan kebaikan ibu bapa kepada rakan-rakan.
B Menyanyikan lagu untuk menggembirakan hati ibu bapa.
C Mendapatkan kejayaan dalam peperiksaan.
D Berkelah bersama-sama keluarga.
7. Apakah kesan yang akan terjadi sekiranya ahli keluarga tidak memainkan peranan masing-masing?
A Rumah tangga menjadi porak peranda.
B Hidup dalam keadaan bahagia.

- C Hidup dalam kesederhanaan.
- D Hidup dalam keadaan berduka.

8. Ibu bapa merupakan orang yang amat penting bagi kita. Di bawah ialah cara kita menghormati ibu bapa, **kecuali**

- A memberitahu mereka apabila kita keluar dari rumah.
- B memaklumkan kepada mereka aktiviti kita.
- C memaksa mereka mematuhi kehendak kita.
- D membantu mereka meringankan beban.

9. Kamu dilantik menjadi ketua kelas. Apakah tugas kamu sebagai ketua kelas?


- A Memarahi rakan sekelas.
- B Menjaga kelas dan membantu guru.
- C Mengawal pergerakan rakan sekelas.
- D Memerhati aktiviti guru.

10. Pilih pernyataan yang benar tentang tanggungjawab kamu sebagai seorang pelajar dalam menjaga kawasan persekitaran.

- i- Memastikan bilik darjah berada dalam keadaan yang bersih.
- ii- Menegur rakan yang membuang sampah merata-rata.
- iii- Memaki hamun pelajar yang terlupa menutup air di dalam tandas.
- iv- Tidak menjalankan tugas membersihkan kelas.

- A i dan ii C i, ii dan iii
- B iii dan iv D ii, iii dan iv

Soalan 11 berdasarkan gamabar di bawah



11. Berdasarkan gambar di atas, apakah peraturan yang patut kita patuhi?

- i- Menutup aurat.
- ii- Duduk dengan sopan.
- iii- Membuang sampah merata-rata.
- iv- Menanggalkan kasut.

- A i dan ii C i, iii dan iv
- B i,ii dan iii D ii, iii dan iv

12. Apakah yang akan kamu lakukan jika ternampak seorang budak sedang mengganggu jemaah lain beribadat?

- A Tidak mempedulikannya.
- B Menegur budak tersebut.
- C Menggelengkan kepala.
- D Turut mengganggu jemaah lain.

13. Tempat beribadah ialah tempat untuk

- A mengulang kaji pelajaran.
- B beribadah.
- C bersembahyang dan berdoa kepada Tuhan.
- D berbual-bual.

14. Apakah yang akan berlaku sekiranya kita melanggar peraturan sekolah?

- A Guru akan mendenda kita.
- B Sekolah menjadi tidak terurus.
- C Menunjukkan bahawa kita tidak berdisiplin.
- D Pelajaran akan merosot.

15. Kean Seng diajak oleh Ramu menghisap rokok. Apakah yang sepatutnya Kean Seng memberitahu kepada rakannya?

- A Boleh, apa salahnya.
- B Kamu pergilah ajak orang lain.
- C Berapa banyak yang kamu beli?
- D Saya tidak mahu. Rokok merbahayakan kesihatan.

16. Antara berikut, buku yang manakah sesuai untuk dijadikan bahan bacaan berguna?

- i- Fiksyen Sains.
- ii- Dokumentari.
- iii- Komik
- iv- Majalah berkaitan dengan pelajaran.

- A i dan ii
- B i,ii dan iii
- C i, ii dan iv
- D ii, iii dan iv

Soalan 17 dan 18 berdasarkan gambar di bawah.



17. Berdasarkan gambar di atas, apakah yang sepatutnya diucapkan oleh murid tersebut?

- A Apakah yang makcik beli?
- B Biar saya tolong makcik bawa barang-barang ini.
- C Makcik berjalan terlalu lambat.

D Makcik dari mana?

18. Apakah amalan mulia yang ada dalam diri murid tersebut?

- A Bersopan santun.
- B Tolong menolong.
- C Berdedikasi.
- D Berkeyakinan tinggi.

19. Marlin mendapat keputusan cemerlang dalam peperiksaan akhir tahun tetapi dia dituduh meniru dalam peperiksaan tersebut. Apakah yang sepatutnya Marlin lakukan?

- i- Berdiam diri sahaja.
- ii- Nafikan tuduhan tersebut.
- iii- Tunjukkan kertas jawapan peperiksaan.
- iv- Bandingkan jawapan dengan orang lain atau buku rujukan.

- A i dan ii
- B i,ii dan iii
- C i, iii dan iv
- D ii, iii dan iv

20. Kepentingan bersifat berani kerana benar adalah seperti berikut, **kecuali**

- A mempertahankan diri dari tuduhan.
- B mejaga maruah diri.
- C supaya orang takut kepada kita.
- D untuk menjelaskan perkara yang sebenarnya kepada orang lain.


(20 Markah)

BAHAGIAN B


Jawab semua soalan.

A. Tandakan (\surd) pada perkara yang patut dilakukan dan (X) pada perkara yang tidak patut dilakukan.


1. Nasa membeli tiga batang aiskrim dan memberikan asikrim tersebut kepada dua orang adiknya.




2. Deneshwaran melihat abangnya sedang menyapu daun kering di halaman rumahnya. Dia tidak menolong abangnya sedangkan dia tidak berbuat apa-apa.




3. Shah Indra malas membaca buku pelajaran walaupun telah beberapa kali disuruh ibunya. Dia hanya menonton televisyen sahaja.




4. Lai Poh Mu mengucapkan terima kasih kepada abangnya kerana membelikannya sebuah kotak pensel yang baru.




5. Pak Zainizan sudah tua tetapi dia tetap bekerja. Anak sulungnya pula hanya duduk di rumah dan tidak melakukan apa-apa pekerjaan.




6. Razizan menghormati ibu dan bapanya. Dia jarang menyusahkan mereka.




7. Piravin berasa cemburu melihat adiknya yang berumur 3 tahun mendapat mainan baru yang dibelikan oleh bapanya.




8. Ibu dan bapa Norrie sentiasa memberi galakan dalam aktiviti-aktiviti berfaedah yang disertai olehnya.



9. Syarlieza sentiasa mendengar dan menghormati pendapat adik-beradiknya walaupun bercanggah dengan pendapatnya.



10. Andy Flop Poppy mengulang kaji pelajaran sambil bermain permainan komputer di dalam biliknya.



(10 Markah)

B. Isikan tempat kosong dengan jawapan yang sesuai

membasuh kaki

Buddha

lembu



1. Amalan penganut agama Hindu sebelum memasuki kuil ialah _____.
Persamaan ini adalah sama dengan amalan lain seperti Islam dan _____ supaya menanggalkan alas kaki untuk masuk ke tempat ibadat mereka.
2. Perkara yang patut dielakkan terhadap agama lain selain dari agama yang kita anuti ialah _____ dan mengajuk amalan sesuatu agama tersebut. Jika ingin bertanya sesuatu, tanyalah dengan _____ untuk mendapat maklumat lanjut berkenaan amalan dan _____ agama lain.
3. Orang Islam akan berpuasa selama sebulan pada _____. Mereka bersahur iaitu makan sebelum waktu _____ dan akan berbuka puasa pada waktu maghrib. Setelah sebulan berpuasa, mereka akan menyambut _____. Selain perayaan tersebut, mereka turut merayakan _____ yang mana mereka akan melakukan ibadah korban dengan menyembelih haiwan seperti kambing, _____ ataupun unta sebagai tanda kesyukuran kepada Tuhan.

(20 Markah)